



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**STATUS PENGGUNAAN BAHASA MELAYU
DI PULAU KOKOS, AUSTRALIA**

RAJA MASITTAH BINTI RAJA ARIFFIN

FBMK 2007 13

**STATUS PENGGUNAAN BAHASA MELAYU
DI PULAU KOKOS, AUSTRALIA**

RAJA MASITTAH BINTI RAJA ARIFFIN

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2007



**STATUS PENGGUNAAN BAHASA MELAYU
DI PULAU KOKOS, AUSTRALIA**

Oleh

RAJA MASITTAH BINTI RAJA ARIFFIN

**Tesis ini dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Februari 2007



DEDIKASI

Terima kasih kepada bonda tercinta yang sentiasa mendoakan kejayaan, kebahagiaan dan kesejahteraanku di dunia dan akhirat.

Terima kasih kepada suami yang amat memahami dan sentiasa memberikan dorongan dan sokongan padu sehingga tesis ini dapat disempurnakan.

Terima kasih kepada para pensyarah atas sokongan, bimbingan dan pandangan yang bernas dalam menjayakan penulisan tesis ini.

Terima kasih kepada semua sahabat yang sentiasa memberikan sokongan moral dan kerjasama sehingga tesis ini berjaya dihasilkan.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**STATUS PENGGUNAAN BAHASA MELAYU
DI PULAU KOKOS, AUSTRALIA**

Oleh

RAJA MASITTAH BINTI RAJA ARIFFIN

Februari 2007

Pengerusi : Che Ibrahim bin Haji Salleh, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini memerikan status penggunaan bahasa Melayu di Pulau Kokos, Australia khususnya di Pulau Home yang terletak di Lautan Hindi, di luar kawasan dunia Melayu. Kajian ini berdasarkan pendekatan kualitatif dan memberikan fokus kepada lima aspek: susur galur dan sejarah penghijrahan orang Melayu ke Pulau Kokos; sistem panggilan dalam kalangan Melayu Kokos; leksikal dan istilah dalam bahasa Melayu yang digunakan di Pulau Kokos; status bahasa Melayu dalam pelbagai bidang, dan juga pemupukan dan pemasyarakatan bahasa Melayu di pulau tersebut; dan sama ada berlaku anjakan paradigma daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris dalam kalangan generasi muda. Wawancara dan temu bual dibuat dengan mengemukakan soalan terbuka untuk mendapatkan responds daripada informan; dan kaedah pemerhatian turut serta digunakan dalam kajian ini. Sejumlah 60 orang informan yang terdiri daripada orang Melayu Kokos dan orang kulit putih Australia

telah ditemu bual dari 2-10 Mei 2004 di Pulau Home. Kerangka teori tipologi kawasan penyebaran bahasa telah diterapkan dalam kajian ini.

Hasil penelitian jelas menunjukkan bahawa bahasa Melayu telah dibawa ke Pulau Kokos oleh orang Melayu yang berasal dari tempat-tempat seperti Banjarmasin, Pontianak, Jawa, Makassar, dan Sumatera; dan bahasa ini telah digunakan dengan meluas sejak tahun 1826 sehingga kini. Leluhur orang Melayu Kokos telah dibawa ke Pulau Kokos oleh dua orang Inggeris, iaitu Alexander Hare dan John Clunies-Ross. Orang-orang Melayu tersebut telah membawa budaya, cara hidup, termasuklah bahasa dan agama Islam bersama-sama mereka. Bahasa yang dituturkan di Pulau ini menyamai bahasa Indonesia dialek Jakarta.

Orang Melayu Kokos hidup di bawah kekuasaan John Clunies-Ross selama ratusan tahun, dan oleh sebab itu banyak pengaruh leksikal bahasa Inggeris dalam pertuturan mereka sehari-hari, di samping pengaruh bahasa Portugis dan Belanda. Bahasa Melayu berkembang luas melalui sistem panggilan yang unik dalam keluarga Melayu Kokos dan juga komuniti di Pulau itu. Sehingga kini, mereka mampu mengekalkan penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai bidang, antaranya termasuklah pentadbiran dan pengurusan pulau, pendidikan, kegiatan sosiekonomi dan senibudaya. Kajian ini juga memperlihatkan anjakan paradigma daripada bahasa Melayu Kokos kepada bahasa Inggeris dalam kalangan generasi muda. Dalam usaha melestarikan status quo bahasa Melayu, generasi warga emas berusaha bersungguh-sungguh menggalakkan generasi muda menggunakan bahasa Melayu bukan sahaja di rumah malah dalam komuniti Melayu di Pulau Kokos.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

STATUS OF THE USAGE OF MALAY LANGUAGE IN THE COCOS ISLANDS, AUSTRALIA

By

RAJA MASITTAH BINTI RAJA ARIFFIN

February 2007

Chairman : Che Ibrahim bin Haji Salleh, PhD

Faculty : Modern Languages and Communication

This study describes the status of the usage of Malay language in the Cocos Islands, Australia especially in the Home Island, which is located in the Indian Ocean, outside the region of the Malay world. The study is based on qualitative approach and focuses on five aspects: the history of the Malays who migrated to the Cocos Islands; the forms of address among the Malays; the lexical and terminological forms in the Malay language used by the Malays in the Cocos Islands; status of the Malay language in various aspects of life and the cultivation dan diffusion of the Malay language on the Island; and whether or not paradigm shift has occurred from the Malay language to English among younger generation. Interviews with open-ended questions were constructed to elicit responses from the informants, and participant observations were carried out to obtain data from 2nd – 10th May 2004 in the Cocos Islands. A total of 60 informants comprising of local Malays and other Australian were interviewed. The language diffusion area theoretical framework has been used in the study.



The results of the study clearly indicate that the Malay language was first brought to the Cocos Islands by the Malays from places such as Banjarmasin, Pontianak, Java, Makassar, and Sumatera, and it was widely used since the year 1826 till today. The descendents of the original Malays were brought to the Cocos Islands in early 1826 by two Englishmen, Alexander Hare and John Clunies-Ross. The Malays have brought with them their culture, way of life, including language and Islam. The Malay language spoken on the Island is identical to the Indonesian language of the Jakarta dialect.

They have lived under the supervision of John Clunies-Ross for several hundred years and due to these circumstances, a lot of influence of English lexical forms in their every day communication, besides Portuguese and Dutch. The Malay language developed extensively through the unique system in the form of address in all members of each family and the community at large. To date they have managed to maintain the usage of the Malay language in various fields including administration and management of the Island, education, socio-economic and socio-cultural activities. The study also shows a paradigm shift from the Malay to the English language among the younger generation. In order to maintain the status quo, the older generation put extra efforts to encourage the younger generation to use the Malay language not only at home but also on the Island.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya mengucapkan syukur setinggi-tingginya ke hadrat Allah S.W.T kerana memberikan inayah kepada saya dalam usaha menyelesaikan penulisan tesis ini.

Saya merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada Profesor Madya Dr. Haji Che Ibrahim bin Salleh selaku pengerusi penyeliaan, Profesor Dr. Haji Awang bin Sariyan dan Dr. Zaitul Azma binti Zainon Hamzah yang banyak memberikan pandangan dan nasihat, bimbingan serta menyemak tesis ini sehingga dapat diselesaikan dengan baik seperti yang direncanakan. Rakaman terima kasih juga saya tujukan kepada Profesor Dr. Bernd Nothofer dari Universiti Frankfurt, Jerman yang sudi memberikan saranan idea untuk menghasilkan tesis ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dewan Bahasa dan Pustaka kerana memberikan peluang dan membiayai kos penyelidikan yang dijalankan di Pulau Kokos bersempena dengan Program Semarak Bahasa. Rakaman terima kasih juga kerana membenarkan data lapangan di Pulau Kokos dijadikan bahan kajian. Sehubungan dengan itu, tidak lupa juga saya mengucapkan penghargaan setinggi-tingginya kepada Profesor Emeritus Dato' Asmah Haji Omar dan Puan Ramlah Mohamad yang bersama-sama berada di lapangan dengan penuh cabaran.

Kajian ini tidak dapat terlaksana sekiranya tidak mendapat kerjasama sepenuhnya daripada informan yang terdiri daripada warga Melayu Kokos di Pulau Home, khususnya Tuan Haji Hawkins Bytol dan isterinya Puan Hadijah, Pirus Capstan,



James Capstan, Benjamin Capstan, Cree bin Haig, Pak Zaid, Puan Zani (Mak Siti), Haji Aliff, Puan Mariam Kawi, guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah serta informan-informan lain yang sudi meluangkan masa untuk ditemu bual di Pulau Home, Pulau Panjang, Pulau Christmas, Katanning, Perth dan Melbourne. Tidak ketinggalan kepada Puan Zaiton dan suami yang mengizinkan kami tinggal di rumahnya selama berada di Pulau Home.

Rakaman terima kasih juga kepada pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang telah memberikan pandangan dan nasihat dalam usaha penulisan tesis ini. Demikian juga kepada semua pensyarah yang pernah mengajar saya pada sepanjang pengajian di Universiti Putra Malaysia. Tidak lupa juga kepada Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, khususnya Puan Wan Salhah Megat Ahmad yang banyak membantu saya mendapatkan bahan rujukan khusus untuk kajian ini.

Cetusan rasa terima kasih yang teristimewa untuk suami saya, Haji Zainal Abidin bin Ahmad Baharin yang banyak memberikan sokongan moral dan memberikan perhatian sehingga berjaya menyelesaikan penulisan tesis ini.

Akhir sekali, terima kasih kepada semua yang membantu saya dalam menyelesaikan tesis ini. Segala jasa baik yang diberikan akan dikenang abadi dan Allah sahaja yang berkuasa membalasnya.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada 11 Februari 2007 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Raja Masittah binti Raja Ariffin untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau yang bertajuk “Status Penggunaan Bahasa Melayu di Pulau Kokos, Australia” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981, Jawatankuasa Pemeriksa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Rosnaini Abdul Kadir, PhD

Pensyarah
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohamed Othman, PhD

Profesor Madya
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Wong Su Luan, PhD

Pensyarah
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohd. Amin Embi, PhD

Profesor
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)

HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 22 November 2007



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Che' Ibrahim bin Salleh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Awang bin Sariyan, PhD

Profesor
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD

Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

AINI IDERIS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 13 Disember 2007



PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis ini. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.

RAJA MASITTAH BINTI RAJA ARIFFIN

Tarikh: 29 Disember 2006



JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	ix
PERAKUAN	xi
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB I PENGENALAN	1
Latar Belakang Kajian	1
Pernyataan Masalah	3
Persoalan Kajian	5
Objektif Kajian	6
Kepentingan Kajian	7
Skop Kajian	9
Definisi Operasional	9
Kesimpulan	11
II SOROTAN LITERATUR	13
Pendahuluan	13
Kajian Terdahulu	13
Kesimpulan	21
III METODOLOGI	22
Pendahuluan	22
Reka Bentuk Kajian	24
Strategi Reka Bentuk untuk Pertanyaan Kualitatif	27
Kerangka Teori	29
Pengenalan Ilmu Sociolinguistik	29
Konsep/Prinsip Tadahan Penyebaran Bahasa	32
Kata Panggilan dalam Keluarga Melayu Kokos	41
Kaedah Kajian Kualitatif	42
Teknik Pengumpulan Data	43
Tempat Kajian	46
Sampel Kajian	46
Instrumen Kajian	49
Tatacara Kajian	52
Kajian Lapangan	53
Penganalisan Data	54
Kesimpulan	56



IV	DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN	59
	Pendahuluan	59
	Susur Galur dan Sejarah Kedatangan Orang Melayu di Pulau Kokos	60
	Sistem Panggilan di Pulau Kokos	79
	Sistem Panggilan dalam Masyarakat Melayu Kokos	79
	Kata Panggilan Orang Kulit Putih terhadap Warga Melayu Kokos	91
	Kata Panggilan Melayu Kokos terhadap Keluarga John Clunies-Ross	93
	Panggilan dalam Keluarga John Clunies-Ross	94
	Ciri-ciri Linguistik	97
	Aspek Leksikal	97
	Aspek Fonologi	173
	Aspek Morfologi	176
	Aspek Sintaksis	183
	Pemasyarakatan dan Pemupukan Bahasa Melayu dalam Bidang:	185
	Pentadbiran dan Pengurusan	188
	Pendidikan	191
	Sosioekonomi	209
	Sosiobudaya	230
	Semiologi	256
	Bahasa Melayu Kokos Dahulu dan Sekarang	259
	Anjakan Bahasa	260
	Sebab-sebab Berlaku Anjakan	262
	Usaha Pengembalian Semula Penggunaan Bahasa Melayu	264
V	RUMUSAN DAN CADANGAN	267
	BIBLIOGRAFI	302
	LAMPIRAN	312
	BIODATA PENULIS	543



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Kerangka Konsepsi Kajian Status Penggunaan Bahasa Melayu di Pulau Kokos, Australia	25
2	Panggilan Dari Atas Ke Bawah (Generasi Pertama kepada Generasi Kedua dan Ketiga)	83
3	Panggilan Dari Bawah Ke Atas (Generasi Ketiga kepada Generasi Kedua dan Pertama)	84
4	Skema Kata Panggilan di Pulau Kokos	94
5	Skema Kata Sapaan di Pulau Kokos	95
6	Pinjaman Leksikal Bahasa Inggeris dalam Bahasa Melayu Kokos Pada Tahap Fonologi	142
7	Penggunaan Leksikal dan Frasa Bahasa Inggeris dalam Bahasa Melayu Kokos	147
8	Imbuan Awalan yang Tidak Lengkap dalam Bahasa Melayu Kokos	181

SENARAI RAJAH

Peta	Halaman
1 Pulau Home Lebih Menghampiri Kawasan Timur Laut Kepulauan Cocos (Keeling)	63

SENARAI SINGKATAN

AM	Anak murid Haji Bytol
C	Cree bin Haig
H	Hadijah (Isteri Haji Hawkins)
HB	Haji Bytol
HBl	Haji Alpan bin DatoPuriya
HH	Haji Hawkins
J	Johnny Clunies-Ross
JS	Jose Sanches (Cef di Pulau Panjang)
MK	Mariam Kawi
MS	Mak Siti (Puan Zani)
N	Norhafidah (anak perempuan Haji Hawkins)
NAn	Nek Anuar
NA	Nek Adlan
NH	Nek Harun (Benjamin Capstan)
NR	Nek Rokayah
P	Penyelidik/pengkaji
PC	Pirus Capstan (Nek Fatimah)
PK	Pita Kaset
PV	Pita Video
PZ	Pak Zaid
TH	Tuan Haslan
TJ	Tuan John Clunies-Ross
WJ	Wak James (James Capstan)



BAB I

PENGENALAN

Latar Belakang Kajian

Kajian ini berdasarkan pengalaman pengkaji semasa berada di Pulau Home dari 2 Mei hingga 10 Mei 2004. Kajian ini dilaksanakan seiring dengan Program Semarak Bahasa, iaitu penggambaran filem dokumentari anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama syarikat swasta dan Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak.

Pulau Home yang dikenal juga sebagai Pulau Selma merupakan salah sebuah pulau yang menjadi petempatan orang Melayu Kokos sejak tahun 1827. Pada tahun tersebut, pulau ini terletak di bawah pemerintahan individu yang bernama John Clunies-Ross yang berasal dari Scotland. John Clunies-Ross merupakan tuan pulau yang berkuasa penuh terhadap masyarakat Melayu Kokos di pulau tersebut. Kedatangan orang-orang Melayu ke Pulau Kokos dibahagi kepada dua kategori, iaitu sebagai hamba abdi yang dibawa masuk dari Indonesia, iaitu dari Pontianak, Banjarmasin, Madura, Jawa dan Papua New Guinea, yang dibawa oleh Alexander Hare dan pembantunya John Clunies-Ross, khususnya untuk dikerah bekerja sebagai pengopek kelapa. Satu kategori lagi adalah terdiri daripada mereka yang datang kemudian dari tarikh itu secara sukarela yang terdiri daripada orang-orang dari Malaysia (Tanah Melayu pada ketika itu), orang Cina, India dan Inggeris.

Pulau Kokos diletakkan di bawah pemerintahan Australia pada tahun 1955, apabila Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengadakan pungutan suara dalam kalangan orang Melayu Kokos pada tahun 1974, dengan menawarkan tiga pilihan kepada penduduk-penduduk Melayu di Pulau Kokos, iaitu sama ada untuk tinggal di bawah pentadbiran Australia, iaitu sebagai rakyat Australia atau pulang ke negara asal mereka. Walaupun terdapat orang Melayu Kokos yang berhijrah ke Pulau Christmas dan ke tanah besar Australia seperti di Katanning, Perth, Geraldton, Port Hedland dan Broome, tetapi tidak kurang pula yang memilih untuk menetap di Pulau Kokos.

Oleh itu, tumpuan kajian ini adalah kepada warga Melayu Kokos yang tinggal di Pulau Home. Dengan mengaitkan konsep atau prinsip tadahan penyebaran bahasa yang dikemukakan oleh Asmah Haji Omar dalam bukunya *Alam dan Penyebaran Bahasa Melayu* (2005), pengkaji meletakkan Pulau Kokos bukan merupakan kawasan teras atau kawasan tradisional, kerana pulau ini terletak jauh daripada Gugusan Pulau-pulau Melayu, iaitu terletak di luar dunia Melayu. Konsep diaspora juga wujud dalam konteks ini kerana kedatangan awal orang Melayu ke Pulau Kokos pada abad ke-19 adalah secara paksa, dengan menjadikan mereka buruh kasar; dan ada juga sebagai banduan dan hamba abdi yang dibawa oleh orang Inggeris untuk menghambakan diri kepada tuan Inggeris, iaitu John Clunies-Ross.

Selama ratusan tahun mereka hidup dalam keadaan sengsara akibat situasi ekonomi yang amat meleset. Namun, pada masa John Clunies-Ross berkuasa penuh di Pulau Kokos sehinggalah kini, yang mengambil masa selama lebih daripada seratus tujuh puluh tahun, Melayu Kokos tetap menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan sehari-hari dalam kalangan mereka. Mereka juga mengekalkan adat

istiadat dan budaya Melayu dan beragama Islam dengan mengamalkan cara hidup Islam. Walaupun kini mereka hidup dalam suasana yang selesa dan boleh dikatakan mewah, dan generasi mudanya menerima pendidikan arus perdana yang berbahasa Inggeris tetapi orang Melayu Kokos tetap dengan bahasa Melayunya, beragama Islam, bersopan santun dan mengekalkan amalan penggunaan kata panggilan yang unik dalam keluarga dan komuniti Melayu Kokos, iaitu menggunakan sistem teknonim (Asmah, 2004: 91). Fenomena ini amat menarik untuk dikaji.

Pernyataan Masalah

Dalam tempoh masa yang cukup panjang, iaitu lebih daripada seratus tujuh puluh tahun, orang Melayu Kokos tinggal di Pulau Home dan menjalani kehidupan yang penuh dengan onak dan duri, tetapi sehingga kini mereka mampu mempertahankan penggunaan bahasa Melayu Kokos bukan sahaja dalam lingkungan keluarga dan komuniti Melayu Kokos malah dalam kalangan orang berkulit putih, yang turut mempelajari dan menuturkan bahasa tersebut. Fenomena ini merupakan satu cabaran dan unik sifatnya yang perlu digali dan diselidik sebab-sebab mereka dapat dan mampu melestarikan penggunaan bahasa tersebut. Fenomena ini dapat dihubungkan dengan kenyataan Asmah (2005: 33) tentang tadahan penyebaran bahasa sebagai satu konfigurasi yang mampu memberikan ruang kepada bahasa Melayu untuk hidup dan berkembang melalui organisasi dan sistem sosial masyarakatnya.

Demikian juga dengan penggunaan sistem panggilan dalam kalangan komuniti Melayu Kokos yang mampu terus dipertahankan. Dalam sesuatu organisasi sosial, institusi sosial yang ingin mengenali individu mengikut tatatingkat dalam komunitinya turut mempengaruhi pandangan dunia (*world-view*) anggota masyarakat itu dan seterusnya mempengaruhi difusi bahasa. Selain itu, kegiatan sosioekonomi juga sebagai tadahan penyebaran bahasa kerana dapat mencipta banyak leksikal, kosa kata atau perbendaharaan kata baharu untuk memenuhi keperluan menamakan sesuatu konsep baharu. Leksikal baharu itu ada yang memperlihatkan persamaannya dengan bahasa Melayu di Malaysia dan tidak kurang pula perbezaan yang timbul akibat pengaruh bahasa asing seperti bahasa Belanda, bahasa Inggeris, dan bahasa Portugis. Oleh itu, pewujudan sistem panggilan unik yang menggunakan sistem teknonim dan juga pewujudan konsep-konsep baharu istilah dan leksikal telah menarik pengkaji untuk mengenal pasti dan menghuraikan fenomena ini.

Sehubungan dengan perkara yang di atas, pengkaji mencuba mengaitkannya dengan konsep tadahan yang dikemukakan oleh Asmah (2005: 45) yang menyatakan bahawa pendidikan juga 'adalah tadahan difusi bahasa', yang dapat memperlihatkan kemampuan orang Melayu Kokos memasyarakatkan dan memupuk bahasa Melayu, bukan sahaja dalam kalangan keluarga dan komunitinya malah dalam bidang pentadbiran pulau dan pendidikan arus perdana di Pulau Home. Melalui pendidikan menengah dan tinggi dalam bahasa Inggeris yang diterima oleh generasi muda pada hari ini amat menarik dikaji untuk melihat sama ada berlaku anjakan bahasa atau sebaliknya.

Persoalan Kajian

Berhubung dengan latar belakang kajian dan persoalan kajian yang dinyatakan di atas, persoalan utama kajian berfokus kepada diaspora Melayu yang dilihat dari sudut sejarahnya dari kawasan teras dan kawasan tradisional ke kawasan bukan teras, iaitu di luar dunia Melayu. Namun orang Melayu Kokos mampu bertahan dan tetap mempertahankan bahasa Melayu Kokos secara meluas, sama ada dalam bentuk leksikal mahupun dalam sistem panggilan keluarga, di sisi menerapkan bahasa Melayu Kokos dan tulisan Jawi dalam pengajaran dan pembelajaran secara formal dan tidak formal kepada generasi muda di pulau itu. Kemampuan mereka melestarikan fenomena ini dihubungkan dengan konsep tadahan penyebaran bahasa yang menurut Asmah bercirikan organisasi dan sistem sosial, pandangan dunianya, kegiatan sosioekonomi, pendidikan, agama dan sistem semiologi.

Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan kajian yang berikut:

- i) Bagaimanakah orang-orang Melayu mula-mula sampai ke Pulau Kokos dan seterusnya bermastautin di Pulau Home?
- ii) Apakah sistem panggilan yang wujud dalam masyarakat Melayu Kokos?
- iii) Sejauh manakah penggunaan kosa kata Melayu umum / khusus diamalkan dalam urusan dan kehidupan sehari-hari masyarakat Melayu Kokos?

- iv) Sejauh manakah bahasa Melayu terpelihara penggunaannya di Pulau Kokos, khususnya dalam bidang pentadbiran, pendidikan, sosioekonomi, dan sosiobudaya?
- v) Adakah berlaku anjakan bahasa? Jika ada, apakah sebab-sebab berlakunya anjakan tersebut, dan apakah usaha-usaha yang telah dijalankan untuk mengembalikan semula penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda Kokos?

Objektif Kajian

- i) Untuk menelusuri susur galur dan fenomena sejarah kedatangan orang-orang Melayu ke Pulau Kokos.
- ii) Untuk mengenal pasti sistem panggilan dalam kalangan masyarakat Melayu Kokos.
- iii) Untuk mendeskripsikan penggunaan leksikal atau kosa kata yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari warga Melayu Kokos.
- iv) Untuk memerihalkan pemasyarakatan dan pemupukan bahasa Melayu dalam bidang pentadbiran dan pengurusan, pendidikan, sosioekonomi, dan sosiobudaya di Pulau Kokos.
- v) Untuk meneliti dan mengemukakan hujah tentang kedudukan sama ada wujudnya anjakan bahasa, sebab-sebab anjakan yang berlaku, dan usaha

mengembalikan semula penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda Pulau Kokos.

Kepentingan Kajian

Kajian tentang penggunaan bahasa Melayu di Pulau Kokos ini penting kerana setakat ini masih belum ada lagi satu kajian ilmiah yang tuntas sifatnya dijalankan oleh pengkaji bahasa dan linguistik, khususnya yang memberikan fokus terhadap senario penggunaan dan penyebaran bahasa Melayu di Pulau Kokos, yang merupakan kawasan bukan teras dan bukan tradisional, yang terletak jauh dan terasing dari dunia Melayu dengan menerapkan konsep tadahan penyebaran bahasa yang dikemukakan oleh Asmah (2005: 32). Beliau ialah Profesor Emeritus yang berwibawa yang banyak menghasilkan tulisan dalam bentuk buku, makalah dan kertas kerja tentang bahasa dan linguistik serta peradaban Melayu.

Dapatan kajian penting bagi membincangkan fenomena sejarah kedatangan orang-orang Melayu Kokos ke Pulau Kokos, khususnya di Pulau Home sejak seratus tujuh puluh tahun yang lampau, dan juga dapat mengenal pasti sistem panggilan dan penggunaan leksikal dalam kehidupan mereka sehari-hari sebagai orang Melayu Kokos. Dapatan kajian ini juga penting untuk memerihalkan pemasyarakatan dan pemupukan bahasa Melayu dalam bidang pentadbiran, pendidikan, kegiatan ekonomi, dan sosiobudaya di pulau itu.

Akhir sekali dapatan ini penting sebagai satu kajian yang dapat membincangkan sama ada berlakunya anjakan bahasa dari bahasa Melayu ke bahasa Inggeris sebagai bahasa dalam pendidikan arus perdana, dan jika fenomena ini berlaku sudah pasti